



Rujukan : UKM KPD/262/3

Tarikh : 10 Januari 2018

Semua Pelajar  
Program Siswazah  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2017-2018**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2017-2018 akan **bermula pada 12 Februari 2018**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
<b>PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2017-2018</b>	Saudara/i boleh mendaftar kursus <b>bermula 12 - 18 Februari 2018</b> . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
<b>CAJ LEWAT MENDAFTAR</b>	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP.
<b>DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR</b>	Pelajar akan diberikan status " <b>DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR</b> " jika tidak membuat pendaftaran sehingga <b>selewat-lewatnya pada 17 Mac 2018</b> .
<b>JADUAL PERKULIAHAN</b>	Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP <b>selewat-lewatnya 5 hari sebelum sesi perkuliahan</b>

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 5585/5609 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>


	<b>bermula.</b> Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.
<b>PEMBAYARAN YURAN</b>	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran tertunggak dan semasa. Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester <b>sebelum atau pada 25 Januari 2018.</b></p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, sila serahkan surat daripada penaja ke Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian.</p> <p>Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan <b>Portal E-Kewangan.</b></p>
<b>BIODATA PELAJAR DI SMPE</b>	Pelajar juga bertanggungjawab untuk memastikan biodata pelajar di SMPE adalah terkini pada setiap semester.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**NOOR SUZILAWATI BINTI DESA**  
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik  
b.p. Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program  
- Ketua Pentadbiran, PKP  
- Bahagian Kewangan, PKP